

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (20)

Tarikh 17 Julai 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 2/2019

PENGUNAAN EDISI TERKINI STANDARD PROGRAM SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN BAGI SUBBIDANG SAINS PERTUTURAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2012 bertarikh 01 Ogos 2012.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, pada Oktober 2008, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah membangunkan Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan (Programme Standards: Medical and Health Sciences) yang merangkumi 19 subbidang termasuk subbidang Sains Pertuturan (Speech Sciences).
3. Pada tahun 2016, 11 subbidang dalam Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan telah dikaji semula. Perubahan ini telah dikuatkuasakan menerusi Pekeliling MQA Bil. 2/2016 bertarikh 30 Jun 2016. Kajian semula tersebut tidak melibatkan subbidang Sains Pertuturan memandangkan penawaran program Sains Pertuturan adalah minima dan implikasi pelaksanaannya juga masih belum jelas.
4. Pada tahun 2017, *Conjoint Board of Studies for Audiology and Speech Sciences* (CBOSASS), badan yang diwakili oleh kakitangan akademik dari universiti-universiti di Malaysia yang menawarkan program Sains Pertuturan/ Patologi Pertuturan/ Patologi Pertuturan-Bahasa telah mencadangkan agar subbidang ini dikaji semula bagi memastikan standard minimum yang digariskan adalah relevan bagi pelaksanaan program Sains Pertuturan di Malaysia.
5. Susulan daripada itu, satu jawatankuasa yang terdiri daripada ahli CBOSASS dibentuk bagi mengemaskini maklumat subbidang Sains Pertuturan dalam Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan yang merangkumi aspek Latar Belakang, Hasil Pembelajaran, Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum, Struktur Program dan Sumber Khusus bidang pengajian. Pindaan yang mengambil kira maklumat balas daripada pihak berkepentingan ini **hanya melibatkan program yang dilaksanakan pada peringkat Sarjana Muda Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF).**

6. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program Sains Pertuturan adalah tertakluk kepada penggunaan standard program ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard program yang lebih khusus atau dengan syarat terdahulu yang ditetapkan oleh MQA atau Kementerian Pendidikan Malaysia, maka standard yang lebih tinggi adalah terpakai.

7. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini Standard Program: Sains Perubahan dan Kesihatan adalah seperti berikut:


BIL.	TARIKH	PERKARA
(i)	01 Ogos 2019 sehingga 31 Julai 2020	<p>Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi standard program.</p> <p>Nota: Kohort pelajar yang diambil <u>selepas tempoh transisi</u> tamat perlu mengguna pakai kurikulum baharu.</p> <p>Kohort pelajar yang telah berada dalam sistem, boleh mengguna pakai kurikulum sebelum ketetapan baharu terpakai seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT.</p> <p>Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin mengguna pakai kurikulum baharu kepada kohort pelajar sedia ada jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.</p>
(ii)	01 Februari 2020	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
(iii)	01 Februari 2020	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi standard program.

8. Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)
E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
43400 SERDANG, SELANGOR

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR

11. Sekretariat
Conjoint Board of Studies for Audiology and Speech Sciences (CBOSASS)
Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Universiti Sains Malaysia
16150 KUBANG KERIAN, KELANTAN